



ISMAIL (dua kanan) menyambut ketibaan pelajar baharu UMS-KAL di terminal feri kelmarin.

725 pelajar baharu daftar di UMS-KAL

UB 4/09/2012 BG

LABUAN: Seramai 725 pelajar baharu termasuk 61 pelajar antarabangsa dari China mendaftar di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) bagi sesi akademik 2012/2013.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata, daripada jumlah itu 496 merupakan pelajar perempuan dan 230 lelaki yang akan belajar di universiti itu bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Katanya, seramai 564 pelajar akan mengikuti lima program di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) iaitu Kewangan Antarabangsa, Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa, Ekonomi Kewangan Antarabangsa dan Kewangan Islam.

“Seramai 161 pelajar pula akan belajar di dua program di Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) iaitu Teknologi Maklumat dan e-Dagang bagi tempoh tiga tahun akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mewakili Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah, menyambut ketibaan pelajar baharu itu di Terminal Feri Antarabangsa Labuan (LIFT) di pusat bandar, kelmarin.

Pelajar berkenaan dibawa menaiki bas dari Kota Kinabalu dan feri kenderaan dari Menumbok, Sabah dengan dua sesi iaitu jam 12.30 tengah hari dan 6.30 petang sebelum menginap di kolej kediaman pelajar di kampus itu.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah dan Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), Norhanizah Adnan.

Ismail berkata, seramai 175 pelajar lelaki dan selebihnya akan mengikuti pengajian di SPKAL serta 55 pelajar lelaki dan 106 perempuan merupakan pelajar di SSIL.

Pihaknya akan menerima kemasukan pelajar yang masih belum mendaftar sebelum 30 September depan.

“Pelajar baharu itu datang dari seluruh negara selaras dengan konsep 1Malaysia di samping pelajar antarabangsa yang akan membantu menjana ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.

Sementara itu, beliau akan mencadangkan kepada pengurusan universiti agar pendaftaran pelajar baharu itu mulai tahun hadapan diadakan di kampus Labuan bagi memudahkan pelajar dan ibu bapa terus ke Wilayah Persekutuan Labuan berbanding ke Kota Kinabalu sebelum ini.

“Pendaftaran pelajar baharu di Kampus Labuan mengambil kira beberapa faktor diambil kira termasuk perbelanjaan, logistik dan keselamatan pelajar selain mampu menjana ekonomi Labuan,” katanya.